



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 8 JUN 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	42 PASAR SEGAR TERKAWAL FAMA CATAT NILAI JUALAN RM18.9 JUTA, UTUSAN BORNEO -ONLINE 42 FAMA'S CONTROLLED FRESH MARKETS RECORD RM18.9 MLN IN SALES, HOME, BORNEO POST (KK) -5 42 PASAR SEGAR TERKAWAL FAMA CATAT NILAI JUALAN RM18.9 JUTA, SH - ONLINE SIN CHEW, ONLINE 42 PST CATAT NILAI JUALAN RM18.9 JUTA, NEGARA, KOSMO -12	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6. 7.	PENDARATAN HASIL LAUT KURANG 10 PERATUS, NEGARA, KOSMO -12 BEKALAN IKAN DI PASARAN MENCUKUPI, NEGERI PERAK, SH -27	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
8.	SHARKS SOLD IN SUPERMARKET NOT ENDANGERED - JEFFREY, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -6	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9. 10. 11. 12.	MAFI PERKETAT KEMASUKAN LEMBU DARI NEGARA LUAR, UTUSAN BORNEO - ONLINE 5,000KG OF ANIMAL FEED WITH NO PERMIT SEIZED, NEWS IN BRIEF, NST -14 KASTAM LUPUS DAGING SEJUK BEKU IMPORT SELEPAS DITOLAK ZOO, NASIONAL, BH -17 MAQIS RAMPAS 5,000KG MAKANAN HAIWAN TIADA PERMIT IMPORT, NEGERI SELANGOR/KL, SH -22	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
13.	SEMBUR RACUN GUNA DRON PERTANIAN KAWAL SERANGAN ULAT BATANG, NASIONAL, BH -21	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24.	LAPAN LEMBU MATI DIPANAH PETIR, NEGARA, KOSMO -12 30 TAN METRIK LAMBAKAN HASIL PERTANIAN, NEGERI SELANGOR/KL, SH -22 HANYA PEKERJA DENGAN SURAT PENGESAHAN KEMENTERIAN DIBENAR LEPASI SJR, BH -ONLINE PENTERNAK RUGI RM15,000 LEMBU DISAMBAR PETIR, HM -ONLINE WARGA TANI POSITIF COVID-19 DAPAT RM500, NEGERI, SH -24 BAKAR JERAMI SELEPAS SELESAI TUAI PADI, LOKAL, HM -23 KISAH SEASPIRACY JADI IKTIBAR PERTAHAN KHAZANAH LAUT, RENCANA, BH -12 PKP TAK JEJAS JUALAN CILI, DALAM NEGERI, UM -27 300 PEKEBUN PISANG TERJEJAS, DALAM NEGERI, UM -28 PESAWAH MINTA RM500 UNTUK TIGA BULAN, DALAM NEGERI, UM -26 FRUITFUL EFFORT FOR TRADERS, VIEWS, THE STAR -12	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

42 Pasar Segar Terkawal FAMA catat nilai jualan RM18.9 juta



Ronald mengadakan lawatan di PST Dengkil hari ini.
- Gambar Bernama

PUTRAJAYA: Sebanyak 42 Pasar Segar Terkawal (PST) seliaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang beroperasi ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 merekodkan nilai jualan RM18.9 juta dalam tempoh 25 Mei hingga 4 Jun, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr

Ronald Kiandee.

Beliau berkata 42 PST berkenaan memberi ruang kepada 348 petani dan 6,879 usahawan untuk memasarkan produk ketika pelaksanaan PKP, serta dalam masa yang sama memberi akses pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan dengan penjimatan antara lima dan 20 peratus.

Ronald berkata setiap PST mempunyai lapan komoditi teras iaitu sayur, buah, ikan, ayam, daging, produk industri kecil dan sederhana (IKS), barangan runcit dan penjualan makanan dibungkus.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan bersempena tinjauan di dua lokasi PST iaitu MyFarm Outlet di Putrajaya dan Pusat Operasi FAMA di Dengkil bagi melihat sendiri kelangsungan rantaian bekalan makanan melalui PST yang menawarkan barangan keperluan terutama kepada penduduk setempat ketika pelaksanaan sekatan pergerakan penuh fasa pertama yang bermula 1 Jun hingga 14 Jun ini.

Lawatan itu turut disertai Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah FAMA Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

"MAFI mengambil pelbagai pendekatan khususnya untuk memastikan kelancaran dan kelangsungan rantaian bekalan makanan termasuk mengurus isu lambakan antaranya melalui pelaksanaan PST di lokasi terpilih yang beroperasi mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara," kata Ronald.

Beliau berkata MAFI akan terus memastikan keadaan sentiasa terkawal dan bekalan makanan berada dalam keadaan yang mencukupi serta stabil kerana sektor pertanian dan industri makanan diletakkan sebagai perkhidmatan perlu.

Ronald berkata sebanyak 76,869 surat kebenaran telah dikeluarkan MAFI untuk sektor pertanian tidak formal setakat semalam termasuk aktiviti rantaian pembekalan dan pemasaran berkaitan keperluan makanan kepada petani, penternak, nelayan, pengusaha kecil B40 serta pengusaha mikro asas tani.

Bagi sektor pertanian formal yang melibatkan syarikat pengilang, pengeluar produk atau industri makanan, pengusaha perlu mendapatkan kebenaran beroperasi melalui COVID-19 Intelligent

Management System (CIMS 3.0) di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), katanya.

Ronald berkata FAMA telah mewujudkan bilik gerakan yang beroperasi dari 8 pagi hingga 7 malam bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa pelaksanaan sekatan penuh fasa pertama.

Bagi petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian boleh melayari portal FAMA Feedback System di <http://ffs.fama.gov.my/aduan/> atau hubungi talian hotline FAMA di 019-7476754/013-3777100/010-7632684.

Sementara itu, petani Zainal Marlan, 42, berkata PST amat membantu para petani ketika tempoh mencabar ini dengan memberi platform untuk berniaga sejak PKP1.0 yang dilaksanakan Mac tahun lalu.

"PST ini dapat memastikan para petani terus berniaga dan sedikit sebanyak dapat mengurangkan kerugian kerana hasil tanaman yang rosak ekoran PKP. Ia juga dapat memenuhi kehendak penduduk setempat untuk membeli barangan keperluan tanpa perlu bersesak bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID-19," katanya ketika ditemui di PST Dengkil.

Menurutnya, walaupun pendapatan kali ini merosot kira-kira 30 peratus berbanding ketika beroperasi pada PKP1.0 memandangkan lebih banyak premis perniagaan serta kedai dibuka, dia mencuba kaedah jualan lain termasuk jualan dalam talian dan perkhidmatan Cash On Delivery (COD).

Bagi petani buah naga, Leo Chen Lun, 38, konsep PST bukan sahaja memberi peluang berniaga kepada petani dan peniaga IKS tetapi turut memudahkan masyarakat mendapatkan barangan dan makanan harian dengan kaedah yang mudah dan selamat.

"Tempat ini terbuka dan luas malah ada pandu lalu untuk pengguna yang membeli secara dalam talian. Cuma PST kali ini nampak agak lembab kerana PKP3.0 ini banyak kedai dan pasar raya dapat beroperasi. Jadi pengguna akan berkurangan tetapi saya juga bekerjasama dengan rakan untuk menjual buah naga dengan penghantaran ke rumah," katanya. - Bernama

Headline	42 Fama's controlled fresh markets record RM18.9 mln in sales		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	08 Jun 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	155 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 432
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,296



42 Fama's controlled fresh markets record RM18.9 mln in sales

PUTRAJAYA: A total of 42 Controlled Fresh Markets (PSTs) under Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) operating during the enforcement of Movement Control Order (MCO) 3.0 have recorded RM18.9 million in sales from May 25 to June 4.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said in a statement on Monday, the 42 PSTs provide platforms to 348 farmers and 6,879 entrepreneurs to market their products during MCO, and offer options to consumers to get essential items with five to 20 per cent of savings.

He said each PST has eight basic commodities, namely vegetables, fruits, fish, chicken, beef, and small and medium-sized industry (SME) products, grocery items and take-out food.

Ronald yesterday visited two PSTs which were MyFarm Outlet at Putrajaya and Fama Operations Centre at Dengkil, to monitor the continuity of the food supply chain through the markets, which offer basic goods to residents during the first phase of the total lockdown from June 1 to June 14.

Ronald was accompanied by his deputy Datuk Seri Ahmad Hamzah, the ministry's

secretary-general Datuk Haslina Abdul Hamid and Fama director-general Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

"The ministry is taking various approaches particularly to ensure the smoothness and continuity of food supply chain, including managing oversupply issue, among others through the opening of PST at selected locations, that are operating by complying with the set standard operating procedures (SOPs) by National Security Council," said Ronald.

He said his ministry will continue to make sure situations are under control and food

supplies are sufficient and stable, as the agriculture and food industries are under essential services.

Ronald said a total of 76,869 permission letters had been issued by the ministry for the informal agriculture sector up to yesterday, including supply chain activities and marketing related to food necessity, to farmers, breeders, fishermen, Bao small traders and micro agro-based operators.

For the formal agriculture sector, involving factories, product or food industry manufacturers, they need to get permission to operate through

Covid-19 Intelligent Management System (CIMS 3.0) under International Trade and Industry Ministry (MITI), he said.

Ronald said Fama has established an operation room, opened from 8 am to 7 pm, to ensure agricultural product marketing activities run smoothly during the total lockdown.

For farmers who face any problem of marketing their products, they can go to the Fama portal Feedback System at <http://ffs.fama.gov.my/adaun/> or contact the Fama hotline at 019-7476754/019-3777100/019-7632684. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

42 Pasar Segar Terkawal FAMA catat nilai jualan RM18.9 juta



Ronald Kiandee mengadakan lawatan di Pasar Segar Terkawal (PST) Dengkil hari ini. - Foto Bernama

SEBANYAK 42 Pasar Segar Terkawal (PST) seliaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang beroperasi ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 merekodkan nilai

jualan RM18.9 juta dalam tempoh 25 Mei hingga 4 Jun, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata, 42 PST berkenaan memberi ruang kepada 348 petani dan 6,879 usahawan untuk memasarkan produk ketika pelaksanaan PKP, serta dalam masa yang sama memberi akses pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan dengan penjimatan antara lima hingga 20 peratus.

Ronald berkata, setiap PST mempunyai lapan komoditi teras iaitu sayur, buah, ikan, ayam, daging, produk industri kecil dan sederhana (IKS), barangan runcit dan penjualan makanan dibungkus.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan bersempena tinjauan di dua lokasi PST iaitu MyFarm Outlet di Putrajaya dan Pusat Operasi FAMA di Dengkil bagi melihat sendiri kelangsungan rantaian bekalan makanan melalui PST yang menawarkan barangan keperluan terutama kepada penduduk setempat ketika pelaksanaan sekatan pergerakan penuh fasa pertama yang bermula 1 Jun hingga 14 Jun ini.

Lawatan itu turut disertai Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

"MAFI mengambil pelbagai pendekatan khususnya untuk memastikan kelancaran dan kelangsungan rantaian bekalan makanan termasuk mengurus isu lambakan antaranya melalui pelaksanaan PST di lokasi terpilih yang beroperasi mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara," kata Ronald.

Beliau berkata, MAFI akan terus memastikan keadaan sentiasa terkawal dan bekalan makanan berada dalam keadaan yang mencukupi serta stabil kerana sektor pertanian dan industri makanan diletakkan sebagai perkhidmatan perlu.

Ronald berkata, sebanyak 76,869 surat kebenaran telah dikeluarkan MAFI untuk sektor pertanian tidak formal setakat semalam termasuk aktiviti rantaian pembekalan dan pemasaran berkaitan keperluan makanan kepada petani, penternak, nelayan, pengusaha kecil B40 serta pengusaha mikro asas tani.

Bagi sektor pertanian formal yang melibatkan syarikat pengilang, pengeluar produk atau industri makanan, pengusaha perlu mendapatkan kebenaran beroperasi melalui Covid-19 Intelligent

Management System (CIMS 3.0) di bawah selian Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), katanya.

Ronald berkata, FAMA telah mewujudkan bilik gerakan yang beroperasi dari 8 pagi hingga 7 malam bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa pelaksanaan sekatan penuh fasa pertama.

Bagi petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian boleh melayari portal FAMA Feedback System di <http://ffs.fama.gov.my/aduan/> atau hubungi talian hotline FAMA di 019-7476754/013-3777100/010-7632684.

Sementara itu, petani Zainal Marlan, 42, berkata PST amat membantu para petani ketika tempoh mencabar ini dengan memberi platform untuk berniaga sejak PKP1.0 yang dilaksanakan Mac tahun lalu.

"PST ini dapat memastikan para petani terus berniaga dan sedikit sebanyak dapat mengurangkan kerugian kerana hasil tanaman yang rosak ekoran PKP. Ia juga dapat memenuhi kehendak penduduk setempat untuk membeli barangan keperluan tanpa perlu bersesak bagi mengurangkan risiko jangkitan Covid-19," katanya ketika ditemui di PST Dengkil.

Menurutnya, walaupun pendapatan kali ini merosot kira-kira 30 peratus berbanding ketika beroperasi pada PKP1.0 memandangkan lebih banyak premis perniagaan serta kedai dibuka, dia mencuba kaedah jualan lain termasuk jualan dalam talian dan perkhidmatan 'cash on delivery' (COD).

Bagi petani buah naga, Leo Chen Lun, 38, konsep PST bukan sahaja memberi peluang berniaga kepada petani dan peniaga IKS tetapi turut memudahkan masyarakat mendapatkan barangan dan makanan harian dengan kaedah yang mudah dan selamat.

"Tempat ini terbuka dan luas malah ada pandu lalu untuk pengguna yang membeli secara dalam talian. Cuma PST kali ini nampak agak lembab kerana PKP3.0 ini banyak kedai dan pasar raya dapat beroperasi. Jadi pengguna akan berkurangan tetapi saya juga bekerjasama dengan rakan untuk menjual buah naga dengan penghantaran ke rumah," katanya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2021	SIN CHEW	ONLINE	

农长：与各方紧密合作·确保食物供应链畅通

全国综合

+ 关注

广告



罗纳建迪（中）巡视联邦农业销售局设立的新鲜农贸管制市集，实地了解食物供应的情况。

（雪邦7日讯）农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪指出，为了确保在全面封锁期间的食物供应链一切顺利，该部已采取各项涉及生产商、批发及零售的措施，同时也与所有相关领域业者保持紧密的合作关系。

他说，截至6月6日，该部透过其他机构批准高达7万6869项涉及非正式农业领域的申请，包括涉及必需食品供应链及销售活动的农民、饲养者、渔夫、B40小商家，以及以农业为基础的微型企业。

“正式农业领域，涉及公司、厂商、生产产品或食品领域则需要透过国际贸易及工业部的冠病智能管理系统（CIMS 3.0）提出申请。”

为了深入了解全面封锁期间的食物链供应情况，罗纳建迪今日走访联邦农业销售局（FAMA）设立的新鲜农贸管制市集（PST），包括布城MyFarm Outlet及龙溪的FAMA营运中心。

FAMA全国设42市集

他说，在全面封锁第一阶段（6月1至14日），FAMA在全国各地开设42家新鲜农贸管制市集，每日为人民提供新鲜食材；截至6月4日，这些市集共达到1890万令吉的销售额。

他提到，为了确保全面封锁期间，农产品销售活动得以顺利展开，FAMA已设立危机管理中心，营运时间为早上8时至晚上7时，以协助面对问题的农民及业者。

更多详情可浏览FAMA的网站<http://ffs.fama.gov.my/aduan/>，或拨打FAMA热线019-7476754/013-3777100/010-7632684。

广告

文章来源：星洲日报

作者：

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2021	SIN CHEW	ONLINE	

哥市马樟FAMA中心 丹设2“新鲜农贸管制市集”

东海岸

+ 关注

广告



仄阿都拉（右）来到敦荣新市镇乡村转型中心，为参与新鲜农贸管制市集的商家们打气。

（哥打峇鲁7日讯）丹州设立了2个“新鲜农贸管制市集”（Pasar Segar Terkawal）。

联邦农业销售局（FAMA）在一则文告中披露，这旨在配合丹州目前在实施的行管令3.0和全面封锁。

该局指出，有关市集里将有蔬果、鸡肉、鱼类、海产、肉类、杂货和农产品，而这2个市集分别设立在哥打峇鲁敦荣新市镇的乡村转型中心和马樟县的FAMA中心。

农业及食品工业部第二副部长拿督仄阿都拉较早前表示，全国目前共有42个新鲜农贸管制市集

。

他说，在全面封锁下，政府将确保这些市集完全遵守标准作业程序。

他到敦荣新市镇的乡村转型中心巡视有关市集的运作时，对小贩的企业精神表示赞赏，因为他们确保食物链在这个非常时期没中断。

广告

文章来源：星洲日报

作者：

Penternak dakwa kerugian lebih RM15,000 dalam sekelip mata

Lapan lembu mati dipanah petir

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA NERUS - Seorang penternak kerugian RM15,000 selepas lapan ekor lembu peliharaan mati serentak dipercayai akibat dipanah petir di sebuah kebun kelapa sawit di Tanjung Binjai di sini kelmarin. Dalam kejadian pada pukul 3.10 petang itu, kesemua lembu berusia antara satu hingga enam tahun tersebut dipercayai sedang berlindung daripada hujan lebat di bawah sebatang pokok kelapa sawit di kebun tersebut.

Penternak lembu terbabit, Zakaria Mamat, 55, berkata, insiden yang mengorbankan lembu peliharaannya telah dimaklumkan salah seorang rakan penternak lain menerusi panggilan telefon.

"Sewaktu dimaklumkan, saya baru selesai mengait buah kelapa sawit di kebun berhampiran.

"Saya terus bergegas selepas hujan reda pada pukul 5 petang (kelmarin) sebelum melihat lapan lembu saya mati bergelimpangan

di bawah pokok kelapa sawit tersebut," katanya ketika ditemui Kosmo! di lokasi kejadian di sini semalam.

Zakaria yang menetap di Kampung Gong Lingai di sini berkata, dia percaya lembu peliharaannya itu mati dipanah petir berdasarkan kesan pada pokok kelapa sawit tersebut.

Dia berkata, sewaktu ditemui, kesemua lembu peliharaan mengalami pendarahan pada hidung serta mulut berbulu dipercayai organ dalamnya cedera.

"Saya telah menanam bangkai lapan lembu peliharaan dengan menggunakan jentolak tidak jauh dari lokasi dipanah petir pada pukul 8.30 malam (kelmarin).

"Ini kali pertama saya kehilangan lembu peliharaan akibat mati dipanah petir sejak 38 tahun menjadi penternak," katanya.

Zakaria berkata, kehilangan lapan lembu tersebut tidak mematahkan semangatnya untuk memelihara lagi baki hampir 40 ekor haiwan ternakan itu.



SEBAGIAN lapan lembu peliharaan Zakaria yang mati dipanah petir di bawah sebatang pokok kelapa sawit di Kampung Tanjung Binjai, Kuala Nerus kelmarin.

42 PST catat nilai jualan RM18.9 juta

SEKANG - Sebanyak 42 Pagar Segar Terkawal (PST) di bawah seliaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang beroperasi ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 merekodkan nilai jualan RM18.9 juta dalam tempoh 25 Mei hingga 4 Jun.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Khande berkata, 42 PST berkenaan memberi ruang kepada 348 petani dan 6,879 usahawan untuk memasarkan produk mereka ketika pelaksanaan PKP, serta memberi akses pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan dengan penjimatan antara lima hingga 20 peratus.

Jelasnya, setiap PST mempunyai lapan komoditi teras iaitu sayur, buah, ikan, ayam, daging, produk industri kecil dan sederhana (IKS), barangan runcit dan perjualan makanan dibungkus.

"MAFI mengambil pelbagai pendekatan khususnya untuk memastikan kelancaran dan kelangsungan rantaian bekalan makanan termasuk mengurus isu lambakan antaranya melalui pelaksanaan PST di lokasi terpilih yang beroperasi mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, MAFI akan terus memastikan keadaan sentiasa terka-



RONALD KIANDEE

wal dan bekalan makanan berada dalam keadaan yang mencukupi serta stabil kerana sektor pertanian dan industri makanan diletakkan sebagai perkhidmatan perlu.

Ronald berkata, sebanyak 76,869 surat kebenaran telah dikeluarkan MAFI untuk sektor pertanian tidak formal setakat kelmarin termasuk aktiviti rantaian pembekalan dan pemasaran berkaitan keperluan makanan kepada petani, penternak nelayan, pengusaha kecil B40 serta pengusaha mikro asas tani.

Bagi sektor pertanian formal yang melibatkan syarikat pengilangan, pengeluar produk atau industri makanan, pengusaha perlu mendapatkan kebenaran beroperasi melalui Covid-19 Intelligent Management System (CIMS 3.0) di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), katanya.

Pendaratan hasil laut kurang 10 peratus

TAIPING - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengesahkan pendaratan hasil laut di seluruh negara merosot lebih 10 peratus dalam menampung permintaan harian sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Pengerusinya, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, keadaan itu berlaku kerana bot laut dalam kurang beroperasi akibat masalah ketiadaan pekerja warga asing khususnya tekong dan awak-awak yang tidak dapat dibawa masuk ke negara ini.

Pada masa sama jelasnya, LKIM mendapati nelayan tempatan menunjukkan reaksi kurang minat selain tidak mam-

pu melakukannya kerana perlu berada di laut untuk tempoh yang lama antara seminggu hingga dua minggu.

"Bagi mengatasi masalah ini, LKIM sudah berjumpa dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan kita mendapat kelulusan untuk membawa masuk pekerja warga asing dari Thailand dan Vietnam.

"Namun disebabkan negara sedang melaksanakan PKP, jadi tiada sebarang kemasukan (warga asing) dapat dibuat dan kita membuat rayuan agar dipertimbangkan kemasukan pekerja warga asing ini melalui mana-mana pintu sempadan.

"Difahamkan, permohonan itu sedang dipertimbangkan,

namun negara penghantar perlu melalui proses dokumentasi atau permohonan khusus Malaysia Travel Pass (MTP) sebelum pekerja terlibat dibenarkan masuk ke negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyampaikan sumbangan 1,500 bungkus atau 1.5 tan metrik ikan sejuk beku kepada petugas barisan hadapan untuk diagihkan kepada 1,218 penduduk di Taman Berkat di sini, yang menjalani kuarantin semalam.

Menurutnya, sebaik proses dokumentasi atau permohonan MTP selesai, LKIM akan membantu mengetengahkan permohonan mereka kepada JIM bagi membolehkan mereka masuk melalui mana-mana pintu sempadan.



SYED ABU HUSSIN (tengah) menyampaikan sumbangan ikan sejuk beku kepada petugas barisan hadapan untuk diagihkan kepada penduduk di Taman Berkat, Taiping semalam. - WAT KAMAL ABAS

Bekalan ikan di pasaran mencukupi

Walaupun pendaratan ikan berkurangan 10 peratus sepanjang PKP 3.0

BUKTI GANTANG

Bekalan ikan di pasaran dijamin mencukupi walaupun pendaratan ikan berkurangan 10 peratus sepanjang Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, kekurangan pendaratan itu disebabkan operasi bot di laut dalam menghadapi kekurangan awak-awak yang tidak dapat dibawa

masuk ke negara ini.

Beliau berkata, laut dalam memerlukan tekong dan awak-awak dalam kalangan warga asing kerana warga tempatan tidak mampu untuk melakukan kerja itu disebabkan tempoh pekerjaan berkenaan memerlukan masa yang lama.

Namun begitu, beliau berkata, kekurangan pendaratan ikan dapat ditampung oleh kegiatan nelayan tempatan.

“Bagaimanapun LKIM mempunyai stok bekalan ikan sejuk beku yang disimpan oleh syarikat-syarikat yang boleh membantu meriamping kekurangan bekalan ikan di pasaran,” katanya pada sidang media di Pusat Khidmat Parlimen Bukit Gantang di sini pada Isnin.

Syed Abu Hussin berkata, pihaknya sedia meminta mana-mana syarikat supaya mengelu-

arkan bekalan ikan sejuk beku apabila permintaan diperlukan.

Ditanya mengenai aktiviti laut dalam, beliau berkata, masalah dokumentasi dan prosedur di negara asing menyebabkan awak-awak tidak dapat dibawa masuk untuk bekerja di sektor berkenaan kerana PKP.

“LKIM sudah mendapat ke-lulusan dari Jabatan Imigresen untuk membawa masuk awak-awak dari Thailand dan Vietnam untuk bekerja di laut dalam dan ada sesetengah awak-awak telah dibenarkan masuk namun kami masih memerlukan pekerja asing untuk bekerja di sektor itu,” katanya.

Syed Abu Hussin berkata, LKIM sedia membantu syarikat membawa masuk pekerja asing melalui jalan darat dan mereka hendaklah mempunyai pas per-jalanan-masuk ke negara ini.

Katanya, syarikat yang mahu mengambil pekerja untuk bekerja di laut dalam perlu membayar kos kuarantin terha-



Syed Abu Hussin (tengah) menyerahkan cek elaunnya bernilai RM105,000 kepada Pegawai Daerah Larut Matang dan Selama, Mohamed Akmal Dahalan sambil diperhatikan Ketua Polis Daerah Taiping, Asisten Komisiner Osman Mamat (kanan).

dap warga asing terbabit setelah memasuki negara ini.

Syed Abu Hussin turut memaklumkan pemotongan elaun bulanan ahli Parlimen RM25,000 sebulan dan elaun Pengerusi LKIM (RM10,000 sebulan) berjumlah RM105,000 selama tiga bulan mulai bulan ini sehingga Ogos untuk Ta-

bing Bencana Daerah Larut Matang dan Selama.

Pada Isnin, Syed Abu Hussin memberikan bantuan 1.5 metrik tan ikan kembung (1,500 bungkus) untuk diserahkan kepada 1,218 rumah di Taman Berkat yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). - Bernama

Headline	Sharks sold in supermarket not endangered — Jeffrey		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	08 Jun 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	6	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	104 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 709
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,127



Sharks sold in supermarket not endangered — Jeffrey

KOTA KINABALU: The Agriculture and Fisheries Ministry confirmed that the sharks sold at a supermarket in Kolombong are not listed as endangered species.

In a statement here yesterday, its minister Datuk Seri Panglima Dr Jeffrey G Kitingan said based on the picture that went viral on social media, the sharks sold were identified as the blackfin shark *Carcharhinus sorrah* and the long-snout shark *C. brevipinna*.

"These are the types of shark species caught by fishermen in Sabah. They are not listed as endangered species either under the Fisheries Act 1985 (Act 317) or the International Trade in Endangered Species Act 2008 (Act 686).

"This means that activities such as capturing and selling the species are not illegal," he clarified.

Malaysia is home to more than 150 species of sharks and stingrays. Only 12 species are listed under Act 317, while 64 species are listed under Act 686.

Among the species of sharks listed under the two Acts are whale sharks and hammerhead sharks, and sawfish and manta

rays for stingrays.

For the endangered species listed under Act 317, exploitation such as capturing, possessing, transporting, selling, exporting is not permitted and if convicted, is liable to a fine not exceeding RM20,000 or imprisonment not exceeding two years or both.

For the endangered species listed under Act 686, its exploitation is limited to the domestic level only (unless it is also listed under Act 317).

In terms of international trade control, Sabah does not allow exports even to Peninsular Malaysia, Sarawak or the Federal Territory of Labuan. Any violation of this act is punishable by a fine up to RM1 million or imprisonment for up to seven years or both.

"The Sabah Fisheries Department through its Enforcement Unit will continue to carry out inspections at the key entries and exits, patrols on fishing operations and monitoring at fish markets and supermarkets on an ongoing basis. This is to ensure that fish resources, including sharks and stingrays, are efficiently managed," Jeffrey said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

MAFI perketat kemasukan lembu dari negara luar



BANTU: Hamzah (tengah) menyampaikan bekalan buah-buahan dan bantuan selimut menerusi Program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di Melaka semalam. — Gambar Bernama

MELAKA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) memperketat kawalan

dan kemasukan lembu di pintu sempadan negara bagi mencegah penularan penyakit kulit kental/berbonjol (LSD).

Timbalan Menteri Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, ini berikutan penyakit tersebut dikesan berlaku di beberapa kawasan di Asia termasuk negara jiran Thailand selain dua lokasi baharu di negara ini iaitu di Perak dan Selangor.

“Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) di setiap negeri juga diarahkan supaya sentiasa mengadakan pengawasan dan pemantauan rapi serta diminta melaporkan segera kepada kementerian jika terdapat jangkitan.

“Ladang yang terlibat dengan penyakit ini, kita telah minta mereka asingkan lembu-lembu itu kerana penyakit LSD ini hanya berjangkit sesama ternakan melalui kontak rapat haiwan itu serta tidak merebak mahupun membahayakan manusia,” katanya kepada pemberita di Ayer Keroh di sini kelmarin.

Terdahulu, Ahmad hadir menyampaikan bekalan buah-buahan dan bantuan selimut menerusi Program MAFI Prihatin di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini semalam.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, sekiranya terdapat ternakan lembu yang disahkan positif LSD, haiwan itu akan dimusnahkan dan kandang atau ladang terjangkit akan diletak di bawah pengawasan rapi JPV.

“Tiada ternakan dibenarkan keluar atau dijual sehingga memperoleh pengesahan dan kebenaran jabatan veterinar.

“Mana-mana pihak termasuk penternak dan peraih ternakan yang didapati melanggar arahan itu boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Binatang 1953 (Pindaan 2013),” katanya. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2021	NST	NEWS IN BRIEF	14

5,000kg of animal feed with no permit seized

PORT KLANG: The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) seized 5,000kg of animal feed from Northport, here, on Saturday. Selangor Maqis director Zamri Hashim said the seizure was made during a routine inspection at 11.30am. Enforcement officers checked a container which was filled with imported animal feed worth RM45,302.75. "The animal feed from Brazil was confiscated as it did not have a valid import permit."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	17

Kastam lupus daging sejuk beku import selepas ditolak zoo

Kuala Lumpur: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) hanya membuat pelupusan daging import yang dirampas di pintu masuk negara selepas ia ditolak oleh pihak zoo.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir, berkata berdasarkan prosedur operasi standard (SOP), pelupusan daging akan dibuat melalui kaedah hadiah atau lelongan awam dan secara pemusnahan bergantung kepada keadaan barang terbabit.

"Normal SOP kita lupus sama ada secara pemusnahan, hadiah ataupun lelongan awam tertakluk kepada keadaan barang itu. Kebiasaannya, JKDM akan tawarkan secara hadiah kepada zoo terlebih dahulu sebelum pihak mereka membuat pemeriksaan ke atas daging berkenaan.

"Jika ada persetujuan barulah dihadiahkan kepada pihak zoo, ada mereka terima dan ada mereka tolak atas sebab tertentu," katanya kepada *BH*,

di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai operasi pelupusan daging sejuk beku import oleh JKDM yang tular di media sosial selepas menerima kecaman berikutan didakwa membazir.

Menurut warganet, daging itu seharusnya diberikan kepada pihak zoo bagi mengelakkan pembaziran.

Mengulas mengenai perkara itu, Abdul Latif berkata, JKDM

terlebih dahulu menawarkan daging berkenaan kepada pihak zoo namun ditolak kerana keadaan daging yang tidak memenuhi SOP mereka.

"Jadi kita membuat pemusnahan di kawasan pelupusan di Jeram, Selangor pada 25 Mei lalu," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor, Zamri Has-

him berkata, pihaknya merampas 5,000 kilogram (kg) makanan haiwan tanpa permit di Pelabuhan Klang Utara, Sabtu lalu.

Beliau berkata, penahanan itu dilakukan ketika pemeriksaan rutin pada jam 11.30 pagi dan pegawai penguasanya mendapati terdapat makanan haiwan import seberat 5,000kg yang dianggarkan bernilai RM45,302.75.

"Makanan haiwan dari Brazil itu disita bagi tindakan lanjut kerana gagal mengemukakan sebarang dokumen Permit Import yang sah," katanya dalam kenyataan, semalam.

Zamri berkata, tindakan itu menyalahi Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) Akta sama.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Jika ada persetujuan barulah dihadiahkan kepada pihak zoo, ada mereka terima dan ada mereka tolak atas sebab tertentu



Abdul Latif Abdul Kadir,
Ketua Pengarah JKDM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2021	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR/KL	22

30 tan metrik lambakan hasil pertanian

Tiga daerah terkesan ialah Sabak Bernam, Kuala Langat dan Kuala Selangor

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SHAH ALAM

Agro Prihatin Selangor menerima 11 aduan berhubung lambakan komoditi pertanian pelbagai jenis di tiga daerah di negeri ini.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Ir Izhah Hashim berkata, tiga daerah yang terkesan ialah di Sabak Bernam, Kuala Langat dan Kuala Selangor.

"Lambakan komoditi pertanian (pelbagai jenis) di tiga

daerah itu berjumlah 30 tan metrik. Bagaimanapun masalah itu dijangka dapat ditangani apabila lambakan hasil pertanian terabit akan dibeli dan dipasarkan ke 12 cawangan yang telah dikenal pasti.

"Tunggu maklumat lanjut mengenai jualan dalam masa terdekat," katanya menerusi hantaran di Facebook pada Isnin.

Lakaran grafik yang dimuat naik di Facebook terabit menunjukkan enam komoditi hasil pertanian di tiga daerah terabit mengalami lambakan pada Sabtu.

Antara jenis komoditi pertanian itu ialah pisang tanduk, pisang berangan, cili kulai 461, cili bara, ubi kayu dan limau kasturi.

MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

500,000 untuk membeli lambakan hasil pertanian di seluruh negeri susulan pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh sekarang ini.

Amirudin dilaporkan berkata, menerusi program Agro Prihatin Selangor itu, urusan pembelian akan dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Selangor, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta seluruh jabatan dan agensi di bawah Jawatankuasa Pertanian dan Perladangan dan Industri Asas Tani.

Pada Rabu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari mengumumkan peruntukan RM-



Lambakan hasil pertanian yang dihadapi di tiga daerah di negeri Selangor.

Maqis rampas 5,000kg makanan haiwan tiada permit import

PELABUHAN KLANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 5,000 kilogram (kg) makanan haiwan dari Brazil tanpa permit import di Pelabuhan Klang Utara di sini pada Sabtu.

Pengarah Maqis Selangor, Zamri Hashim berkata, makanan haiwan bernilai RM45,302.75 itu dirampas semasa pemeriksaan rutin pada jam 11.30 pagi ke atas sebuah kontena.

Menurutnya, semakan mendapati syarikat terabit gagal mengemukakan sebarang dokumen permit import yang sah.

"Perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit import yang sah daripada Maqis

adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Tambah beliau, pihaknya terus komited dalam menjalankan penguatkuasaan undang-undang di semua pintu masuk negara bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara.



Maqis Selangor merampas 5,000kg makanan haiwan di Pelabuhan Klang kerana gagal mengemukakan permit import Maqis pada Sabtu.

Sembur racun guna dron pertanian kawal serangan ulat batang

Kampung Gajah: Semburan racun menggunakan dron pertanian digunakan bagi mengawal serangan ulat pengorek batang padi (*chilo suppressalis*) atau ulat batang di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak.

Pengarahnya, Mohd Shafie Mohd Sidek, berkata pihaknya menggunakan dron pertanian syarikat swasta di kawasan seluruh IADA Seberang Perak membabitkan kos RM160,00.

Katanya, dengan kawalan secara bersepadu, tahap kehadiran ibu rama-rama ulat batang dapat dikurangkan di kawasan blok terbahit.

"Kawalan semburan racun kimia menggunakan dron pertanian dilakukan sejak 8 Mac lalu dan sebelum ini kaedah sama dilakukan pada 2020 dan serangan (ulat batang ketika itu) terkawal.

"Kaedah menggunakan dron atau manual sama efektif jika digunakan dengan prosedur operasi standard (SOP) yang betul, banchuan (kalibrasi yang tepat) dan penyemburan membabitkan masa, kaedah dan pemilihan racun yang tepat," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu, dalam satu kenyataan, Mohd Shafie berkata, Ajen Pengembangan Tanaman (APT) IADA Seberang Perak sudah membuat banchian sejak permulaan musim penanaman padi 1 / 2021 bagi pengesanan awal kehadiran induk ulat pengorek batang.

"Selain itu, kawalan secara bersepadu membabitkan pesawah di blok masing-masing dilaksanakan dengan pemberian racun kimia untuk kawalan ulat batang.

Pesawah rugi padi diserang ulat batang



Keratan akhbar BH, semalam.

"Program kawalan secara gotong-royong ini membabitkan kira-kira 600 hektar kawasan dan 420 pesawah sudah mendapat manfaat daripada sesi kawalan ini," katanya.

Mohd Shafie berkata, serangan ulat berkenaan berlaku di Skim Pengairan Seberang Perak dan Skim Pengairan Sungai Manik.

Katanya, secara keseluruhan kawasan diserang ulat batang bagi kedua-dua skim yang melepasi kadar Economic Threshold Level (ETL) dianggarkan seluas 3646.70 hektar daripada keseluruhan kawasan IADA Seberang Perak.

Katanya, ia 1,463.70 hektar di Skim Seberang Perak dan 2,183.00 hektar di Skim Sungai Manik daripada kawasan keseluruhan jelapang seluas 9,648 hektar.

"Serangan ulat batang yang serius dijangka mampu menyebabkan penurunan hasil tualan padi sehingga 60 peratus jika tiada kawalan dilakukan," katanya.

Kelmarin, media melaporkan, pesawah Kampung Sungai Tukang Sidin, Sungai Manik, di Teluk Intan kecewa apabila sawah yang diusahakan mereka rosak akibat serangan ulat batang.



Semburan racun menggunakan dron pertanian dalam usaha mengawal serangan ulat pengorek batang padi di IADA Seberang Perak, Kampung Gajah. (foto ihsan IADA Seberang Perak)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Hanya pekerja dengan surat pengesahan kementerian dibenar lepasi SJR



KUALA LUMPUR: Polis Diraja Malaysia (PDRM) hanya menerima pakai surat pengesahan daripada enam kementerian dan beberapa agensi tertentu bagi membenarkan pekerja bergerak ke tempat kerja semasa sekatan jalan raya (SJR) yang akan bermula esok.

Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani, berkata surat itu adalah sebagai bukti untuk

membenarkan pergerakan pekerja dari kediaman ke tempat kerja.

"Orang ramai diingatkan agar mengemukakan dokumen yang dikeluarkan oleh kementerian atau agensi yang telah disenaraikan ketika melalui SJR dan mereka yang gagal mengemukakan surat pengesahan atau mengemukakan surat pengesahan palsu akan dikenakan tindakan tegas di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)," menurutnya dalam kenyataan malam tadi.

Beliau berkata kementerian terbabit ialah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan yang berkaitan serta Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bagi sektor pengangkutan awam dan barangan keperluan.

Katanya, bagi sektor pertanian, perikanan, penternakan, perladangan dan komoditi pula, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) hanya akan mengeluarkan surat pengesahan kepada pekebun kecil manakala bagi yang memiliki lesen di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), surat pengesahan akan dikeluarkan oleh MITI.

"Bagi pemegang permit dan lesen Lembaga Getah Malaysia (LGM) seperti pekebun kecil, estet, nurseri, peniaga getah, pedagang dan pengilang getah boleh menggunakan surat pengesahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) atau LGM manakala bagi pengilang pembuatan produk getah seperti sarung tangan, surat pengesahan akan dikeluarkan oleh MITI.

"Semua surat pengesahan yang dikeluarkan oleh agensi yang berada di bawah Kementerian Dalam Negeri seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan sebagainya akan diterima pakai bagi kebenaran pergerakan," katanya.

Acryl Sani berkata selain itu, surat pengesahan kebenaran pergerakan dikeluarkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) bagi perkhidmatan telekomunikasi, media, pos, kurier serta penyiaran.

Beliau berkata bagi sektor institusi kewangan, insurans dan urus niaga saham, surat pengesahan masing-masing akan dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) serta Suruhanjaya Sekuriti (SC).

Katanya pihak berkuasa tempatan (PBT) akan mengeluarkan surat pengesahan untuk sektor peniaga kecil, penjaja gerai makanan dan trak makanan manakala pengeluaran lesen berniaga bagi pengurusan strata, sisa pepejal dan sanitasi, surat pengesahan akan dikeluarkan oleh MITI.

"Dokumen pengesahan ini hendaklah bertarikh 1 Jun 2021 dan pihak yang tiada sebarang dokumen sah atau telah tamat tempoh iaitu sebelum tarikh itu akan diarahkan berpatah balik.

"PDRM juga akan mengeluarkan permit pergerakan bagi mereka yang layak di bawah peraturan rentas sempadan iaitu ziarah kematian, kecemasan dan bekerja sendiri," katanya.

Acryl Sani berkata bagi pekerja sendiri seperti tukang paip, penyelenggara dan penjaja tepi jalan yang tiada majikan, permohonan bergerak hendaklah diperoleh daripada polis secara sekali beri dalam tempoh 1 hingga 14 Jun ini.

Beliau berkata PDRM akan memberikan kebenaran secara sekali beri iaitu bagi tempoh dua hingga tiga hari kepada pekerja di sektor yang tidak dibenarkan beroperasi tetapi perlu ke tempat kerja bagi tujuan khusus seperti penyediaan dokumen, invoice pembayaran gaji dan sebagainya namun mereka perlu menyediakan surat pengesahan majikan sebagai bukti.

Katanya, bagi pengoperasian firma guaman dengan kakitangan seramai 20 peratus, surat akan dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri melalui MITI manakala pengamal undang-undang yang perlu hadir ke mahkamah untuk mewakili anak guam dalam kes baharu (reman di bawah Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah) hendaklah menunjukkan dokumen bercetak atau surat firma guaman di SJR.— BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Penternak rugi RM15,000 lembu disambar petir [METROTV]



Kuala Nerus: Seorang penternak lembu menanggung kerugian RM15,000 selepas ternakannya di Kampung Tanjung Binjai, Batu Rakit di sini mati disambar petir, semalam.

Dalam kejadian jam 3.30 petang itu, lapan lembu milik Zakaria Mamat, 55, yang berusia antara satu hingga enam tahun ditemui mati bergelimpangan di atas tanah di kebun kelapa sawit dalam keadaan mulut dan hidung

berbuah.

Difahamkan, ketika kejadian, lapan ekor lembu milik Zakaria berlindung daripada hujan lebat di bawah sebatang pokok kelapa sawit.

Zakaria berkata, dia yang sedang mengait buah kelapa sawit di kebun berhampiran menerima panggilan telefon daripada rakannya memaklumkan lembunya mati disambar petir.

Zakaria menunjukkan kesan petir pada pokok di Kampung Tanjung Binjai, Batu Rakit. FOTO GHAZALI KORI

Katanya, selepas panggilan itu, dia segera ke kebun sawit kira-kira jam 5 petang semalam sebaik hujan reda dan mendapati lapan daripada 48 ekor lembunya mati bergelimpangan selain ternampak kesan dipanah petir pada batang pokok kelapa sawit.

"Berdasarkan kesan pada pokok, saya percaya lembu mati akibat dipanah petir sebelum bangkai ternakan itu ditanam menggunakan jentolak kira-kira jam 8.30 malam tadi (semalam).

"Ini kali pertama saya kehilangan lembu peliharaan akibat mati dipanah petir sejak lebih 30 tahun menjadi penternak.

"Walaupun sedih dengan kejadian menimpa, saya anggap apa yang berlaku adalah ujian Allah SWT," katanya yang mempunyai kira-kira 40 ekor lembu lagi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2021	SINAR HARIAN	NEGERI	24

Warga tani positif Covid-19 dapat RM500

Seramai 60 individu terlibat dalam sektor itu dilaporkan positif Covid-19 setakat ini

Oleh NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

MENDEPANI KRISIS
COVID-19:
 APA TINDAKAN
KITA?

Warga tani dalam sektor pertanian, perternakan dan perikanan yang positif Covid-19 akan menerima bantuan RM500 secara *one off*.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, setakat ini seramai 60 individu yang terlibat dalam sektor itu di Terengganu direkodkan positif Covid-19.

“Kerajaan negeri memandang serius isu penularan Covid-19 dalam kalangan warga tani kerana majoriti rakyat negeri ini terlibat dalam sektor ini dan semuanya bergantung nasib daripada hasil



AZMAN

pertanian untuk menyara hidup.

“Apabila disahkan positif Covid-19, mereka perlu dirawat dan dikuarantin. Keadaan ini menjejaskan pendapatan golongan ini,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Azman berkata, sumbangan itu diharap memberi suntikan

semangat kepada kumpulan warga tani.

“Bantuan ini akan disalurkan dalam tempoh terdekat dan jabatan berkaitan kini sedang mengumpul maklumat berkaitan penerima dari setiap daerah bagi memastikan tiada seorang penerima yang tercicir,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2021	HARIAN METRO	LOKAL	23

Bakar jerami selepas selesai tuai padi



PEKERJA ladang membakar jerami padi yang kering selepas aktiviti memuat padi selesai sebelum proses penanaman semula dtmlakan di Kampung Sungai Burong Tanjung Karang, semalam. Aktiviti membakar jerami padi ini dilakukan untuk memusnahkan tanah sawah terus kekal subur supaya bakteria padi dapat dihapuskan di mana ia boleh mengganggu proses penanaman padi yang seterusnya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2021	BERITA HARIAN	RENCANA	12

Sempena Hari Lautan Sedunia

Kisah Seaspiracy jadi iktibar pertahanan khazanah laut



Pemilik Pusat Penyelir Pantai dan Marin, Institut Maritim Malaysia (MIMA)

Ali Nurul Azzahra Zakaria
ahrenan@bhi.com.my

Tayangan filem dokumentari *Seaspiracy* memaparkan banyak maklum balas positif. Namun, ada juga memberikan ulasan sebaliknya terutama aktiviti alam selat yang cenderung kepada sektor perikanan dan persekitaran marin.

Seaspiracy mendedah simbolik baik kerana pendedahan realiti industri perikanan membuka mata penonton yang selama ini kurang aktif mengenai isu dan cabaran sekitar itu.

Namun, ada juga visual tidak diperlihatkan kesihatannya kerana perikanan sangat jelek, termasuk maklumat tidak lengkap dan penggunaan data untuk mewakili sesuatu semasa bagi penggerak industri perikanan.

Pengarah dokumentari itu, Ali Tabrizi sejak kecil lagi berminat dengan dunia marin. Inspirasinya banyak dicetuskan oleh dokumentari penghabluran laut terkenal seperti Jacques Cousteau, David Attenborough dan Sylvia Earle.

Ali memulakan penapisan *Seaspiracy* daripada sifar ingin tahu terhadap hidupan laut, kemudian membawa kepada isu mamalia marin terdampar di tepi pantai dan akhirnya masalah pencemaran laut lapisan bawah siasat mendapati banyak sisa plastik ditemui dalam perut hidupan laut berkenaan.

Penapisan dokumentari itu bertitik kepada aktiviti pemburuan ikan paus komersial yang secara sejarahnya, bermula dengan pengelakikan ikan paus untuk menghasilkan produk seperti minyak lampu dan sabun.

Ketika Perang Dunia Pertama, pasaran menyaksikan penghasilan gliserin meluas daripada minyak ikan paus untuk membantu proses pembuatan bahan letupan. Situasi pemburuan ikan paus diklasifikasikan dalam *Seaspiracy* beralih kepada isu penangkapan ikan berlebihan.

Pengaruh dokumentari terbabit turut mendedahkan penggunaan perkakas penangkapan ikan seperti pukat tunda antara punca utama kemerosotan habitat marin kerana merosakkan struktur dasar laut.

Pukat tunda selebar 80 hingga 200 meter mengaut segala habitat marin dasar laut dilaluinya. Walaupun berkesan untuk menangkap kuantiti ikan yang banyak tanpa perlu kerap ke laut, ia menyapukan habitat dasar laut.

Habitat dasar laut penting kerana bagi haiwan marin, ia marangkumi tapak semaian, sumber makanan dan kawasan perlindungan daripada pemangsa.

Ali turut memaparkan konsep kelestarian perikanan sebagai langkah jangka panjang terbaik demi memelihara industri perikanan. Ia diperkenalkan bagi menangani isu aktiviti penangkapan ikan tidak lestari dan berbahaya.

Badan antarabangsa seperti Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) memberikan bantuan kepada mana-mana negara yang mahu melaksanakan langkah kelestarian dan memantapkan kemampuan institusi sedia ada bagi menangani kesan persekitaran dan sosioekonomi akibat operasi perikanan.

Pelbagai persoalan tidak terungkai mengenai kelestarian perikanan membawa Ali mencari jawapan terus kepada Earle, saintis marin yang juga seorang pengembara laut.

Terpengaruh dengan prinsip Earle yang tidak makan atau menggunakan sebarang produk dihasilkan daripada haiwan atau vegan pada wawancara itu, Ali turut menjadi golongan vegan sebagai solidariti terhadap hidupan laut.



Purata penggunaan ikan marin per kapita bagi 32.6 juta rakyat tempatan, melonjak dalam jangka setahun pada paras 67.3kg seorang pada 2019 daripada 60.4kg (2018)

Ada pelbagai sebab seseorang menjadi vegan. Antaranya, memertebatkan hak kebebasan untuk hidup, kesan pengambilan sumber haywan terhadap kesihatan serta sikap prihatin terhadap alam sekitar. Dalam dokumentari itu, sebab utamanya menjadi vegan adalah untuk memulihara hidupan laut.

Namun, dalam penapisan Ali untuk merungkilkan masalah itu, beliau seolah-olah memanipulasikan penonton dengan penerangan penyelidikan sains dan data saintifik tanpa meneliti sejarah, budaya serta ke-taksamaan sistem terkait dengan pemuliharaan laut.

Syor beliau untuk menghentikan pengambilan makanan laut sebagai langkah penyelesaian isu alam sekitar dilihat tidak mengendahkan maklum balas masyarakat.

Begitu juga pendedahannya mengenai penertakan ikan sangkar sebagai punca pencemaran air lebih teruk, tentunya mengundang kecaman umum. Namun, pendedahan secara grafik visual benar-benar meyakinkan penonton umum.

Secara keseluruhannya, tidak dapat dinafikan Ali melalui *Seaspiracy* berjaya menarik minat penonton untuk berfikir lebih mendalam mengenai dunia industri perikanan dari pelbagai sudut, walaupun terdapat beberapa perkara boleh ditambah baik.

Satu plot yang benar-benar dekat dengan situasi di negara ini adalah nelayan di Thailand dan Vietnam menjadi 'nelayan paksa'. Mereka didekahkan sebagai tidak mempunyai kehidupan sosial normal sehingga boleh dihina pada bila-bila masa, waima di tengah lautan jika bertelingkah dengan tekong.

Melihat fakta ini, tidak hairanlah banyak nelayan dari Thailand dan Vietnam begitu berani melangkah sempadan Malaysia untuk menjual hasil laut negara secara haram.

Dokumentari ini menyaksikan kegiatan industri perikanan pada peringkat global, namun sangat baik

sekitarnya penonton tanah air turut cabu dengan pendekatan kerajaan dalam mendedahkan industri perikanan negara.

Isu ini perlu diperincikan nasional bagi memastikan kelestarian perikanan dilaksanakan melalui Jabatan Perikanan Malaysia di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Antaranya, pelaksanaan kuota tangkapan perikanan maritim elat tangkapan dan larangan pengangkutan elemen hasil tangkapan seperti bahan letupan, bahan atau pemuliharaan.

Begitu juga pentadbiran kawasan perikanan marin, memulihara sumber perikanan seperti mengurusi larangan dan memulihkan tularan tiruan sebagai habitat ikan, serta mengawal sumber perikanan melalui penyelidikan sains kelestarian awam.

Kesemua inisiatif ini bermula dalam Visi Perikanan Malaysia 1950 dan Policy Framework Agri-Makanan (MAFI) 2011-2020 untuk mengatasi masalah pengurangan hasil tangkapan ikan laut, sekali gus memelihara sumber perikanan negara dan memberi perkhidmatan pasaran.

Laporan Riakan Pasaran 2019 oleh Lembaga Kemajuan Ikan (LKKM) memaparkan purata penggunaan ikan marin per kapita bagi 32.6 juta rakyat tempatan, melonjak dalam jangka setahun pada paras 67.3 kilogram (kg) seorang pada 2019 daripada 60.4kg pada 2018.

Tambahan lagi, inisiatif perikanan maritim kerajaan untuk memenuhi kehendak pasaran membawa kepada industri perikanan menyumbangkan hampir 1 peratus dalam pengeluaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Berkenaan pensijilan bagi pengeluaran pertanian, akuakultur untuk peladang Malaysia, MAFI melalui Jabatan Pertanian Malaysia dan Jabatan Perikanan Malaysia mengesyorkan pensijilan *Malaysia Good Agricultural/Aquaculture Practices (MyGAP)*.

Ia sistem pengurusan sumber dalam pengeluaran pertanian atau akuakultur secara baik dan lestari.

Pengiktirafan diberikan kepada pengusaha dengan 'amalan pertanian baik' berkonsepkan mesra alam sekitar dan menjaga kebajikan serta keselamatan pekerja bagi menghasilkan produk berkualiti dan selamat dimakan.

Seaspiracy mendedahkan isu perikanan bermula sifat ingin tahu, sehingga isu yang lebih besar dan rumit. Namun, gambaran tepat dan teliti amat penting bagi menguar-uarkan segala yang dipaparkan dalam filem dokumentari tersebut.

Sekurang-kurangnya, segala usaha memulihara alam sekitar dan penggunaan sumber asli untuk manfaat semua orang tidak disalahtafsirkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	27



AHMAD Yusri Yunus menunjukkan tanaman cili kaedah fertigasi yang mula mengeluarkan hasil di Kampung Gajah, Pasir Salak, Perak, baru-baru ini. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

PKP tak jejas jualan cili

PASIR SALAK: Pelaksanaan sekatan pergerakan penuh sektor ekonomi dan sosial akibat Covid-19 ketika ini tidak menjejaskan pasaran sayur-sayuran terutama cili.

Keadaan itu memberikan semangat kepada bekas penuntut Kolej Pertanian Malaysia, Bukit Tinggi, Kedah, Ahmad Yusri Yunus, 26, dan rakannya, Muhammad Firdaus Saad, 27, yang mengusahakan tanaman cili kaedah fertigasi di Kampung Changkat Rambai, Kampung Gajah dekat sini.

Mereka mengusahakan tanaman cili fertigasi tahun lalu di kawasan seluas kira-kira satu hektar dan kini sedang memetik hasilnya dan sudah mula dipasarkan.

Muhammad Firdaus berkata, mereka menanam 1,500 pokok cili fertigasi dan menjangkakan pengeluaran mampu mencecah sehingga lima tan.

Katanya, mereka bermula tahun lalu dengan bantuan Jabatan Pertanian Perak Tengah dengan 700 pokok dan ditambah kepada 1,500 pokok.

"Kami bersyukur walaupun sekatan pergerakan penuh sedang dilaksanakan disebabkan Covid-19, kami tidak menghadapi masalah

pasaran tanaman kami.

"Walaupun pasaran tidak besar namun permintaan begitu tinggi dari pasar di Teluk Intan, Kampung Gajah malah daripada warga Pertubuhan Peladang kawasan (PPK). Kami menjual cili segar, bermutu pada harga berpatutan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Sementara itu, Ahmad Yusri berkata, mereka mampu menjual 500 kilogram hingga 1,000 kilogram cili semasa sekatan pergerakan penuh ketika ini.

Katanya, mereka bekerja kuat untuk memastikan memenuhi permintaan pelanggan supaya bekalan cili tidak terputus.

"Permintaan cili ketika PKP agak baik. Setiap pagi saya menghantar cili ke pasar besar menggunakan van.

"Saya tiada masalah untuk merentas daerah kerana mempunyai surat kebenaran untuk menjalankan perniagaan ini.

"Cuma ada masanya saya rasa takut juga disebabkan kes Covid-19 yang semakin tinggi namun demi tanggungjawab memastikan bekalan cili tidak terputus, saya tetap melaksanakannya," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

300 pekebun pisang terjejas

LARUT: Pelaksanaan sekatan pergerakan penuh sektor ekonomi dan sosial ketika ini menjelaskan pasaran produk pertanian terutama pisang yang tidak lagi mendapat permintaan tinggi seperti mana biasa.

Pemborong pisang di Kampung Bawah Gunung, Kampung Perak, Batu Kurau di sini, Ilyas Nasib, 53, berkata, kebiasaannya setiap hari dia membeli dan memasarkan sekitar satu hingga empat tan metrik untuk pasarafi luar terutama di utara tanah air.

Katanya, sejak wabak Covid-19 melanda, disusuli beberapa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dia berdepan masalah untuk memasarkan pisang yang dibelinya daripada penduduk sekitar.

Katanya, peraih luar tidak dapat datang ke pusat pengumpulan pisangnya kerana tidak mendapat permit.

"Pasaran ada, tapi, masalahnya ialah peraih luar yang nak datang ke sini untuk mengambil pisang, difahamkan mereka tidak mendapat permit dari pihak berkenaan.

"Keadaan itu menyebabkan saya tidak berani membeli hasil pisang penduduk dan secara tidak langsung, pekebun pula berdepan masalah menjual hasil tanaman mereka.

"Akibatnya, ada pekebun yang terpaksa berputih mata melihat tanaman pisang mereka yang sudah berbuah, mus-

nah akibat serangan penyakit yang menyebabkan pokok menjadi kuning dan mati," katanya ketika ditemui pemberita di sini semalam.

Katanya, selain pisang, pekebun durian di sini juga gusar memandangkan musim durian gugur dijangka awal bulan Ogos ini.

"Sebagai pengusaha durian dan peraih di sini, saya telah membuat perancangan awal dengan berjumpa beberapa pengusaha-pengusaha kilang makanan berasaskan durian bagi membolehkan hasil durian penduduk dapat dijual," katanya.

Sementara itu, kerajaan negeri dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) akan mengatasi isu hasil pertanian seperti pisang yang tidak dapat dipasarkan.

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Razman Zakaria berkata, lebih 300 pekebun yang mengusahakan tanaman pisang di sekitar Batu Kurau tidak dapat memasarkan hasil mereka kerana pemborong luar tidak dapat membeli dalam kuantiti yang banyak.

"Pemborong tidak berani membeli dengan banyak kerana permintaan pembeli yang terdiri dari peniaga pasar malam, pasar pagi tidak berniaga pada ketika PKP ini," katanya selepas bertemu dengan pemborong hasil pertanian di Batu Kurau di sini semalam.



RAZMAN Zakaria (kanan) ketika bertemu pemborong hasil pertanian berikutan kesukaran memasarkan hasil pertanian disebabkan PKP di Batu Kurau, semalam. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	26

PeSAWAH minta RM500 untuk tiga bulan

PETALING JAYA: Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) mohon kerajaan pertimbangan bantuan kewangan sementara dalam menghadapi Sekatan Pergerakan Penuh yang bermula pada 1 Jun lepas.

Dalam satu kenyataan, Pengerusinya, Mohd. Fuad Yaacob menzahirkan kerisauannya jika sekatan pergerakan yang dijadualkan berakhir pada minggu depan akan disambung dengan sekatan-sekatan yang lain yang keseluruhannya akan memakan masa melebihi satu bulan lagi.

"Kami memohon pertimbangan pihak kerajaan untuk melaksanakan bantuan sementara menunggu musim menuai sebanyak RM500 sebulan selama tiga bulan kepada para pesawah. Diharapkan dengan bantuan ini, dapat meringankan beban para pesawah dalam menghadapi situasi sukar pada ketika ini," katanya.

Menurut Mohd Fuad, berikutan sekatan pergerakan itu, kebanyakan pesawah tidak dapat melakukan kerja-kerja sampingan untuk menambah pendapatan keluarga seperti yang selalu dilakukan.

Katanya, majoriti pesawah melakukan kerja sampingan kerana pendapatan daripada aktiviti penanaman padi biasanya adalah tidak mencukupi sementara menunggu masa untuk menuai padi.

"Pada musim ini juga, para pesawah menghadapi situasi yang tidak menentu berikutan kejadian serangan makhluk perosak dan penyakit yang sudah pun dapat dikesan di beberapa kawasan.

"Kelewatan pengedaran benih juga boleh menyebabkan risiko hasil berkurangan kerana tidak selari dengan jadual air dan musim," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/6/2021	THE STAR	VIEWS	12

Fruitful effort for traders

Move to help fresh market sales amid MCO 3.0 sees big returns

PUTRAJAYA: A total of 42 fresh markets under the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) have recorded RM18.9mil in sales in the past 10 days.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the 42 controlled fresh markets (PSTs) provided platforms to 348 farmers and 6,879 entrepreneurs to market their products during MCO 3.0, and offered options to consumers to get essential items with savings of between 5% and 20%.

The sales figure was from May 25 to June 4, he said in a statement yesterday.

He said each PST had eight basic commodities, namely vegetables, fruits, fish, chicken, beef, and small- and medium-sized industry (SME) products, grocery items and take-out food.

He visited two PSTs - MyFarm Outlet in Putrajaya and Fama operations centre in Dengkil - to monitor the continuity of the food supply chain through the markets, which offer basic goods to residents during the first phase of the total lock-



Basic ingredients: Traders selling a variety of onions and garlic under the PST in Dengkil. — Bernama

down from June 1-14.

Ronald said a total of 76,869 permission letters had been issued by the ministry for the informal agriculture sector up to yesterday, including supply chain activities and marketing related to food necessity, to farmers, breeders, fishermen, B40 small traders and micro agro-based operators.

For the formal agriculture sector, involving factories, product or food industry manufacturers, they needed to get permission to operate through Covid-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0 under the International Trade and Industry Ministry (Miti), he said.

Ronald said Fama had set up an operation room, from 8am to 7pm,

to ensure agricultural product marketing activities run smoothly during the total lockdown.

For farmers who face any problem of marketing their products, they can go to the Fama portal feedback system at <http://ffs.fama.gov.my/aduan/> or contact the Fama hotline at 019-747 6754/013-377 7100/010-763 2684.

Meanwhile, farmer Zainal Marlan, 42, said the PSTs had helped him to continue with his business since MCO 1.0 in March last year.

"The PST ensures that farmers continue to sell (their products) and helps in reducing loss because of crop damage due to MCO," he said.

For dragon fruit seller, Leo Chen Lun, 38, the PST concept not only provides business opportunities to farmers and SME traders but also provide a safe and convenient method for consumers to shop.

"The place is open and spacious and there is also a drive-thru service for customers who buy online.

"There are fewer customers, but I'm collaborating with a friend to sell dragon fruits via home delivery," he said. — Bernama